

**Notis Penting:**

- 1) Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, anda dikehendaki mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat sebarang salah nyataan apabila memberi sebarang pengakuan/penyataan kepada Sun Life Malaysia Takaful Berhad [Nombor Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)] (yang dirujuk sebagai "Pengendali"). Sila ambil perhatian bahawa semua pengakuan/penyataan yang ditanya oleh Pengendali adalah berkaitan dengan keputusan Pengendali sama ada untuk menerima atau tidak risiko. Sila pastikan bahawa anda membuat pengakuan sepenuhnya dan tepat/betul dan semua penyataan atau maklumat yang diberikan oleh anda dalam permohonan ini adalah tepat/betul, jika tidak perlindungan takaful yang diberikan boleh dielakkan, tuntutan anda ditolak atau dikurangkan, syarat-syarat sijil ditukar atau diubah atau sijil ditamatkan. Sila ambil perhatian bahawa anda mesti memaklumkan kepada Pengendali tentang sebarang perubahan pada pengakuan yang diberikan dalam permohonan ini jika terdapat perubahan selepas anda menyerahkan permohonan tetapi sebelum perlindungan takaful diberikan.
- 2) Bukti umur diperlukan sebelum apa-apa pembayaran manfaat dibuat di bawah sijil.
- 3) Dokumen Keterangan Produk untuk produk ini disertakan sebagai sebahagian daripada permohonan ini, untuk perhatian anda mengenai manfaat-manfaat yang dijamin dan tidak dijamin serta tanggungjawab anda sebagai orang yang dilindungi di bawah sijil.
- 4) Anda boleh memohon GTFT dalam permohonan ini sekiranya jumlah agregat GTFT terkumpul yang dilindungi (termasuk sumbangan yang dibiayai oleh Bank) yang sedang berkuatkuasa dan diambil dalam tempoh 2 tahun yang lepas dan jumlah GTFT yang dilindungi (termasuk sumbangan yang akan dibiayai oleh Bank) di bawah permohonan semasa anda, tidak melebihi Ringgit Malaysia Empat Ratus Lima Puluh Ribu (RM450,000) ("Amaun"). Sekiranya Amaun tersebut dilebihi, sila ambil perhatian bahawa anda hendaklah melaksanakan dan melengkapkan borang permohonan Takaful yang berasingan untuk memohon GTFT.
- 5) Sekiranya terdapat sebarang kekurangan antara sumbangan yang telah dibayar dan sumbangan sebenar yang diperlukan oleh Pengendali, Pengendali berhak untuk mengurangkan tempoh perlindungan takaful berdasarkan sumbangan sebenar yang telah dibayar dan ini akan dinyatakan dalam sijil yang dikeluarkan oleh Pengendali dan dihantar kepada anda setelah pendaftaran anda sebagai orang yang dilindungi di bawah GTFT.
- 6) Sila rujuk kepada Kontrak Induk untuk terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian yang menyeluruh. Salinan Kontrak Induk boleh didapati dan dimuat turun dari laman web rasmi Pengendali di [sunlifemalaysia.com](http://sunlifemalaysia.com).
- 7) Anda boleh menamakan dalam borang penamaan penama dan/atau wasi dan/atau benefisiari untuk GTFT bagi menerima manfaat kematian (jika ada) semasa membuat permohonan untuk perlindungan takaful ini atau selepas sijil dikeluarkan. Anda boleh memuat turun borang penamaan dari laman web Pengendali. Sila lengkapkan dan kembalikan borang penamaan kepada Pengendali melalui emel di [wecare@sunlifemalaysia.com](mailto:wecare@sunlifemalaysia.com) atau faks di 603-26987035.
- 8) Pengendali sebagai pengendali Takaful berlesen dan pengurus GTFT akan melaksanakan kewajipan penuh di bawah GTFT. Bank hanya bertindak sebagai Pengedar dan tidak bertanggungjawab untuk GTFT. GTFT bukan produk Bank dan oleh yang demikian bukannya obligasi atau dijamin oleh Bank.
- 9) Perlindungan di bawah GTFT tidak akan berkuatkuasa sehingga Pengendali telah memproses dan meluluskan permohonan anda.
- 10) Pengendali berhak untuk menolak permohonan anda dan Bank berhak untuk mengembalikan pembayaran sumbangan penuh kepada anda sekiranya permohonan ditolak oleh Pengendali dan anda tidak boleh membuat sebarang tuntutan terhadap Bank.
- 11) Anda berkewajipan untuk menerima pembayaran balik sumbangan penuh daripada Bank dan tidak boleh menegaskan untuk mendapatkan perlindungan GTFT sekiranya Pengendali telah menolak permohonan anda.
- 12) Sekiranya anda telah memohon perlindungan GTFT daripada Bank, berkenaan dengan Kemudahan yang ditawarkan kepada anda melalui permohonan ini tetapi bukan untuk jumlah pembiayaan penuh dan/atau bukan untuk tempoh penuh pembiayaan, maka dengan bersetuju untuk menyertai pelan ini, anda mengesahkan bahawa anda memahami sepenuhnya dan bersetuju untuk terikat dengan kesan lanjutan akibat pengurangan dan/atau pemendekan tempoh perlindungan GTFT dan bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan Bank dalam apa jua cara sekalipun.
- 13) Sekiranya anda telah memilih untuk tidak menyertai GTFT berkenaan dengan Kemudahan yang ditawarkan oleh Bank kepada anda melalui permohonan ini, anda mengesahkan bahawa anda memahami sepenuhnya dan bersetuju untuk terikat dengan kesan lanjutan akibat pengecualian dan ketiadaan GTFT serta bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan Bank dalam apa jua cara sekalipun.
- 14) Sekiranya disebabkan oleh ketidakmampuan anda untuk memenuhi keperluan yang dikenakan oleh Pengendali bagi perlindungan GTFT yang mengakibatkan perlindungan GTFT yang lebih rendah atau tiada perlindungan GTFT bagi Kemudahan yang ditawarkan oleh Bank melalui permohonan ini, dengan bersetuju untuk menyertai pelan ini, anda mengesahkan bahawa anda memahami sepenuhnya dan bersetuju untuk terikat dengan kesan lanjutan akibat perlindungan GTFT yang lebih rendah atau tiada perlindungan tersebut serta bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan Bank dalam apa jua cara sekalipun.
- 15) Sun Life Malaysia Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/kontrak yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem

Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Sun Life Malaysia Takaful Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).